

Persekitaran selamat perlu diwujudkan di Asia Timur

Daripada ROSNI HASSAN

TOKYO 7 Mac - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, persekitaran yang selamat perlu diwujudkan di rantau Asia Timur yang ketika ini berdepan dengan pelbagai cabaran.

Menurutnya, usaha untuk mewujudkan persekitaran selamat secara menyeluruh perlu dilakukan dengan menyediakan rangka kerja yang digerakkan oleh satu rencana tindakan membabitkan negara-negara Asia Timur.

Ia jelas beliau, harus merangkumi masyarakat yang bersahabat, saling hormat-menghormati dan menikmati kemakmuran serta menggalakkan hubungan sihat antara negara.

Serentak itu beliau menggariskan beberapa usaha yang boleh dilakukan ke arah mewujudkan persekitaran selamat di rantau ini bagi menjamin keselamatan yang berkekalan untuk kepentingan penduduk.

Katanya, ia termasuklah saranan supaya negara-negara Asia Timur tidak mengasingkan diri daripada isu pembangunan serantau sebaliknya berusaha memastikan mereka mendahului dalam pelbagai bidang khususnya ekonomi.

"Kita perlu tekun berusaha untuk meningkatkan ekonomi, kewangan dan pelaburan di kalangan negara-negara Asia Timur," katanya ketika berucap pada majlis anjuran Institut Hal Ehwal Antarabangsa Jepun di sini, hari ini.

Selain itu, kata Najib, negara-negara Asia Timur juga perlu menyemai sistem nilai bersama terutama dalam hal yang melibatkan keperluan untuk membantu

antara satu sama lain.

Dalam hubungan ini, beliau mencajangkan sebuah pusat koordinasi bantuan serantau diwujudkan bagi memastikan bantuan dapat disalurkan dengan lebih teratur dan berkesan terhadap negara-negara yang memerlukan bantuan.

Mengenai Malaysia kata Najib, ia telah memainkan peranannya di peringkat negara, dua hala, serantau untuk meningkatkan tahap keselamatan di rantau ini.

Antaranya menerusi forum yang diterajui ASEAN seperti Forum Serantau ASEAN (ARF), Persidangan Selepas Mesyuarat Peringkat Menteri (PMC), proses ASEAN+3, Sidang Kemuncak ASEAN, Komuniti Keselamatan ASEAN, Sidang Kemuncak Asia Timur, Sidang Kemuncak Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) dan Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), jelasnya.

Najib berkata, perkara-perkara mengenai ekonomi semakin dilihat sebagai isu keselamatan disebabkan negara-negara bergantung antara satu sama lain dalam membangunkan ekonomi mereka.

Sementara isu sosial dan alam sekitar, menurut beliau, yang dahulunya ditangani secara berasingan, kini menjadi kumbangangan di peringkat serantau disebabkan kesannya kepada keamanan dan kestabilan.

Mengenai peranan Jepun, Najib berkata, negara ini telah memberi sumbangan yang bermakna kepada aspek keamanan dan kestabilan di Asia Timur.

Jepun jelas beliau, telah memainkan peranannya dalam menggalakkan keamanan sejagat di bawah prinsip kerjasama antarabangsa.

- Utusan

Um - 8/3/2007



NAJIB Tun Razak dan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor menaiki kereta api laju Nozomi 91 menuju ke Osaka dari stesen Tokyo di Jepun, semalam.